

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN EMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HJ. AHMAD NAZLAN B. IDRIS  
(JERANTUT)**

**TARIKH : 21 OKTOBER 2019**

**SOALAN :**

**Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [ Jerantut ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan yang diambil bagi membendung masalah pelancong asing yang mengahwini rakyat tempatan dengan harapan untuk mendapatkan kerakyatan dan adakah perkara ini di dalangi oleh sindiket tertentu.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Pasangan kepada warganegara Malaysia boleh mengemukakan permohonan untuk memperoleh kewarganegaraan Malaysia sama ada melalui pendaftaran atau penaturalisasian di bawah Perkara 15(1) atau Perkara 19(1) Perlembagaan Persekutuan, jika telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Perlembagaan Persekutuan, *Citizenship Rules 1964* [LN.82/1964] serta lain-lain perundangan seperti pendaftaran perkahwinan, peraturan imigresen, dan keberadaan yang sah.

Setiap fakta dan dokumen sokongan yang dikemukakan oleh pemohon kewarganegaraan Malaysia akan diteliti sewajarnya bagi memastikan pemohon memenuhi syarat dan kelayakan yang ditetapkan seperti mana berikut:-

## SOALAN: 18

- a. Suami kepada wanita warga asing berkenaan bertaraf warganegara Malaysia;
- b. Perkahwinan masih wujud dan berterusan;
- c. Pemohon telah memenuhi tempoh kemastautinan yang dikira daripada pegangan kad pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR) sebelum tarikh permohonan dibuat iaitu 12 tahun bagi Perkara 19(1) dan dua (2) tahun bagi Perkara 15(1);
- d. Berkelakuan baik; dan
- e. Mempunyai pengetahuan Bahasa Melayu yang diukur melalui tiga (3) komponen Ujian Pengetahuan Bahasa Melayu (UPBM).

KDN ingin menegaskan bahawa pemberian kewarganegaraan adalah anugerah tertinggi Kerajaan dan hak eksklusif yang tidak ditawarkan serta diberikan dengan sewenang-wenangnya. Justeru itu, elemen semak dan imbang (*check and balance*) turut dititik beratkan seperti mana berikut:-

- a. Pemohon Permit Masuk perlu melalui sesi temuduga dan naziran oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) bagi memastikan perkahwinan benar-benar wujud dan teratur. Pegangan Permit Masuk adalah penting bagi membolehkan pemohon mengemukakan permohonan MyPR di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN); dan
- b. Tapisan Keselamatan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi memastikan pemohon berkelakuan baik dan tidak menyalahgunakan hubungan perkahwinan sebagai ruang untuk memohon kewarganegaraan Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri (KDN) juga sedang memuktamadkan pengemaskinian Prosedur Pengendalian Standard (SOP) permohonan kewarganegaraan. Penambahbaikan tersebut adalah berdasarkan kepada peruntukan di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan dan *Citizenship Rules 1964* [LN.82/1964] serta turut mengambil kira pelbagai aspek seperti kebijakan pemohon tanpa mengabaikan keselamatan dan kesejahteraan warganegara sedia ada.